

08/09/2003

Rotax Max: Nik Iruwan juara senior

Noor Jaafar

NIK Iruwan Nik Izani mengekalkan kehebatan apabila muncul juara keseluruhan kategori senior perlumbaan go kart Rotax Max Challenge Malaysia Siri 2003 di Morac Fasttrack Speedzone Elite, Subang Jaya petang semalam.

Nik Iruwan, 18, yang menjuarai pusingan keempat kelmarin, hanya mampu menduduki tempat kedua pada pusingan kelima petang semalam setelah dikalahkan pencabar terkuatnya, Muhamad Amir.

Namun Nik Iruwan yang mengumpul 425 mata berjaya mewakili negara menghadapi cabaran akhir Rotax Max Dunia, di Mesir, 17 Januari depan.

Nik Iruwan menamat perlumbaan pusingan itu dengan masa 18 saat 40.65 saat iaitu 0.40 saat di belakang Muhammad Amir yang menjuarai pusingan kelima itu.

Ng Wai Leong yang menduduki tempat ketiga perlumbaan pusingan kelima itu muncul naib juara keseluruhan dengan mengumpul 410 mata dan Muhamad Amir di tempat ketiga dengan 405 mata.

Nik Iruwan berkata beliau gagal menjuarai perlumbaan kerana gagal mengawal kart selepas sebelum itu keadaan trak basah dan bertukar kepada kering ketika perlumbaan itu.

Bagaimanapun berdasarkan kemampuan semasa, beliau yakin mampu menjuarai perlumbaan Rotax Max Dunia akhir di Mesir, Januari ini.

Raykong juga akan membawa cabaran negara ke Mesir apabila muncul juara keseluruhan Master peringkat umur 35 tahun ke atas dengan 326 mata.

Mahathir Ngai pula muncul naib juara keseluruhan master dengan 312 mata dan Martin Druhan di tempat ketiga dengan 316 mata.

Shafiq Ali yang menjuarai keseluruhan kategori junior juga berjaya ke Mesir setelah mengumpul 431 mata selepas menjuarai pusingan kelima petang semalam dengan 16 minit 35.20 saat menamatkan 20 pusingan perlumbaan itu.

Keputusan : Keseluruhan Senior - 1 Nik Iruwan Nik Izani 425 mata, 2 Ng Wai Leong (410), 3 Muhamad Amir (405) Master - 1 Raykong (326 mata), 2 Mahathir Ngau (321), 3 Martin Druhan (316) Junior - 1 Shafiq Ali (431 mata), 2 Imran Zaharias Sharom (409), 3 Leo Mahr (390) Kadet - 1 Jazeman Firhan (46 mata) 2 Calvin Wong (28), 3 Vittorio Salvador (16) Veteran - 1 Thia Yoke Kian (39 mata), 2 James Leong (25), 3 Laurie Smith (13) Pusingan kelima: Senior - 1 Muhamad Amir (Mas) 18:40.25 saat, 2 Nik Iruwan Nik Izani (Mas) 18:40.65, 3 Ng Wai Leong (Mas) 18:41.17, 4 Charlie Charles (Aus) 18:59.03, 5 Raja Razman (Mas) 19:53.33 Junior - 1 Shafiq Ali (Mas) 16:35.20 saat, 2 Devin Cunningham (Sin) 16:35.58, 3 Imran Zaharias Sharom (Mas) 16:46.59, 4 Kenneth Sim (Sin) 16:46.86, 5 Nasri Naufal (Sin) 16:47.46. Kadet - 1 Calvin Wong (Mas) 13:17.01 saat, 2 Jazeman Firhan (Mas) 13:17.42, 3 Vittorio Salvador (Fil) 13:31.80, 4 Mitchell Gilbert (Aus) 13:40.01, 5 Muhamad Nabil (Mas) 13:42.86. Veteran - 1 Astern Tan Gee Heng (Sin) 12:24.86 saat, 2 James Leong (Mas) 12:25.62, 3 Winston Wong (Mas) 12:32.05, 4 Thia Yoke Kian (Sin) 12:32.12, 5 Ratnaraj S (Sin) 12:43.14.